




LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA) KENYATAAN TAWARAN (TENDER)

(<http://www.lada.gov.my>)

Merujuk kepada Iklan Tender yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada 7 Mac 2024 (Khamis), Tender **LPL(T)1/2024** adalah **DIPINDA** seperti berikut:

NO TENDER	JENIS KERJA	TARIKH & MASA JUALAN DOKUMEN	PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP TENDER
LPL(T) 1/2024	Cadangan Kerja Membaik Pulih Dan Menaik Taraf Ayer Hangat Village Serta Lain-lain Kerja Berkaitan, Langkawi, Kedah Darul Aman	(Ahad) 17 Mac 2024 hingga (Khamis) 27 Mac 2024 <u>Harga Dokumen</u> RM100.00 (Dokumen Meja Tender boleh dirujuk mulai 17 Mac 2024)	<u>Berdaftar Dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)</u> Gred Pendaftaran : G4 <u>ASAL</u> Kategori : B, CE & ME Pengkhususan : CE21, B24, M15 dan E04 <u>DIPINDA KEPADA</u> Kategori : B & CE Pengkhususan : CE21 dan B24	(Ahad) 17 Mac 2024 Jam 10.30 pagi Berkumpul Di Perkarangan Telaga Ayer Hangat Village Lawatan Tapak Adalah WAJIB. Kontraktor yang berhasrat menyertai sesi lawatan tapak perlu membuat pendaftaran dalam talian seperti pautan di bawah: 	(Selasa) 16 April 2024 Sebelum atau pada pukul 12.00 tengahari mengikut jam dinding di Aras M1, Kompleks LADA

1. Dokumen tawaran Tender ini boleh diperoleh pada waktu pejabat mulai **17 Mac 2024 hingga 27 Mac 2024** di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras M2, Kompleks LADA, Jalan Persiaran Putra, 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman dengan menunjukkan **SIJIL ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR, SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN** serta **SIJIL TARAF BUMIPUTERA (Jika Berkaitan)** dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa mendapatkan dokumen tender.
2. Dokumen Tender boleh dibeli secara atas talian secara Electronic Fund Transfer (EFT) / e-Payment ke dalam akaun **Lembaga Pembangunan Langkawi (No. Akaun : 02066011176606 – Bank Islam Malaysia Berhad)** dengan meletakkan Rujukan : **LPL(T)1/2024 Nama Syarikat**. Sila kemukakan salinan slip pembayaran melalui emel kepada kewangan@lada.gov.my sebelum mendapatkan Dokumen Tender. Dokumen Tender juga boleh dibeli dalam bentuk draf bank, kiriman wang atau kiriman wang pos berpaling atas nama **Lembaga Pembangunan Langkawi**. Bayaran bagi Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

3. Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja layak menyertai lawatan tapak. Petender diwajibkan membawa bersama cop syarikat, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) asal dan salinan, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) asal dan salinan serta Sijil CIDB asal dan salinan bagi tujuan pengambilan dokumen tender. **SURAT KEBENARAN KHAS CIDB ADALAH TIDAK DIBENARKAN.**
4. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Tender dan dimasukkan ke dalam peti tender yang ditetapkan di Lembaga Pembangunan Langkawi, Aras M1, Kompleks LADA **ATAU** Tawaran juga boleh dihantar melalui pos berdaftar/kurier di alamat seperti berikut :

**Lembaga Pembangunan Langkawi,
Aras M1, Kompleks LADA Jalan Persiaran Putra,
07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman
(u.p. Unit Perolehan)**

Sekiranya petender memilih untuk mengemukakan Dokumen Tender dengan menggunakan perkhidmatan kurier, petender hendaklah memastikan syarikat kurier yang dilantik memasukkan dokumen tender ke dalam Peti Tender yang disediakan sebelum jam 12.00 tengah hari pada Tarikh Tutup tender. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan dipohon menghubungi Unit Perolehan di talian 04-9600768

5. Dokumen tawaran tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender/dihantar melalui pos sebelum atau pada 12.00 tengah hari **16 April 2024 (Selasa)**. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
6. **LADA** tidak terikat menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran sebaliknya.

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SYAFIQ BIN MD LANI)
b.p Ketua Pegawai Eksekutif